



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

INFRASTRUKTUR MODEN TRANFUSI DARAH UNTUK SELURUH WILAYAH UTARA BUKTI KOMITMEN KERAJAAN MADANI

SUNGAI PETANI, KEDAH – Kementerian Kerja Raya (KKR) terus komited dalam memperkukuhkan pembangunan infrastruktur kesihatan di Kedah apabila Yang Berhormat Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia hari ini turun padang meninjau kemajuan Projek Pembinaan Pusat Darah Wilayah Utara, Sungai Petani yang sedang giat dilaksanakan.

2. Projek berimpak tinggi ini dilaksanakan melalui kaedah Reka dan Bina oleh kontraktor MEC Jati Sdn. Bhd dengan kontrak bernilai RM 49.866 juta. Projek ini diselia oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi pelaksana dengan pengawasan rapi oleh Pasukan Projek Persekutuan JKR Negeri Kedah. Pembinaan telah dimulakan pada 2 Ogos 2021 dan dijangka dapat disiapkan sepenuhnya dengan Certificate of Completion and Compliance (CCC) pada pertengahan Bulan Oktober 2025 yang akan datang.

3. Pembinaan projek ini melibatkan pembangunan komponen utama iaitu Blok Utama Pusat Darah, Blok Mekanikal dan Elektrikal serta kemudahan-kemudahan lain seperti parkir terbuka, Kafetaria, Pondok Pengawal, Rumah Sampah, Rumah Sisa Buangan Bahan Kimia, Rumah Sisa Bahan Buangan Klinik, Kolam Takungan, Loji Rawatan Kumbahan, serta kawasan lapang. Pusat Darah ini akan dilengkapi dengan makmal moden, ruang pendermaan darah mesra pengguna, serta sistem logistik bersepadu untuk memastikan bekalan darah sentiasa cukup, selamat dan berkesan.

4. Projek ini bakal menjadi pemangkin kepada peningkatan tabung darah di Wilayah Utara melalui fasiliti yang lebih moden, lengkap dan selesa untuk semua penderma darah dan kakitangan kesihatan. Selain itu, penyediaan fasiliti kesihatan yang moden dan kondusif ini juga selaras dengan matlamat Kerajaan MADANI dalam meningkatkan ekosistem perkhidmatan kesihatan negara yang moden, berkualiti dan berdaya saing.

5. Berdasarkan tinjauan hari ini, kemajuan fizikal projek telah mencapai 93% mengikut jadual yang ditetapkan. Tiada isu kritikal dilaporkan dan pihak JKR sentiasa komited memastikan kerja-kerja pembinaan dilaksanakan mengikut perancangan, kualiti dan spesifikasi yang telah ditetapkan.

6. KKR berharap pihak pengurus projek, JKR Malaysia, JKR Negeri dan kontraktor berganding bahu mempertajam aspek pengurusan projek dalam meningkatkan sinergi dan prestasi kerja agar projek ini dapat disiapkan mengikut spesifikasi kualiti, kos dan masa selari Amanat Saya di Tahun 2025 meningkatkan prestasi peratus pencapaian Kementerian dan JKR ke arah Sifar Projek Sakit.

7. Lawatan ini jelas memperlihatkan kesungguhan Kerajaan untuk memastikan setiap projek rakyat dilaksanakan dengan penuh ketelusan, kecekapan dan kebertanggungjawaban, selaras dengan prinsip Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan, ihsan dan kemampanan demi manfaat bersama.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
26 JULAI 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MADANIBekerja
#DermaDarah
#KKM
#PusatDarahWilayahUtara
#MalaysiaMadani